

FAQ UMUM BAGI PELARASAN TARIF DI BAWAH TSM

Bil.	Soalan	Jawapan								
1.	Apakah kaedah yang digunakan untuk pengiraan kadar kenaikan tarif air?	<p>Tarif bekalan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan ditetapkan berdasarkan mekanisme penetapan tarif (<i>tariff setting mechanism [TSM]</i>) yang dibangunkan oleh SPAN. Berikut adalah konsep TSM:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20%; padding: 5px;">Apa</td> <td style="padding: 5px;">Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kenapa</td> <td style="padding: 5px;">Kaedah penetapan tarif sedia ada yang tidak seragam dengan struktur tarif dan kekerapan semakan tarif yang berbeza-beza dengan kadar tarif sedia ada yang tidak dapat menampung kos yang meningkat</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Bagaimana</td> <td style="padding: 5px;"> <p>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal) dan Perkapalan;</p> <p>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</p> <p>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (m³);</p> <p>d. Pelarasan kadar tarif dilaksanakan setiap 3 tahun; dan</p> <p>e. *Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan surcaj pelepasan kos tidak seimbang [<i>Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)</i>] yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</p> </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Hasil</td> <td style="padding: 5px;">Kemudahan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna</td> </tr> </table>	Apa	Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air	Kenapa	Kaedah penetapan tarif sedia ada yang tidak seragam dengan struktur tarif dan kekerapan semakan tarif yang berbeza-beza dengan kadar tarif sedia ada yang tidak dapat menampung kos yang meningkat	Bagaimana	<p>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal) dan Perkapalan;</p> <p>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</p> <p>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (m³);</p> <p>d. Pelarasan kadar tarif dilaksanakan setiap 3 tahun; dan</p> <p>e. *Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan surcaj pelepasan kos tidak seimbang [<i>Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)</i>] yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</p>	Hasil	Kemudahan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna
Apa	Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air									
Kenapa	Kaedah penetapan tarif sedia ada yang tidak seragam dengan struktur tarif dan kekerapan semakan tarif yang berbeza-beza dengan kadar tarif sedia ada yang tidak dapat menampung kos yang meningkat									
Bagaimana	<p>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal) dan Perkapalan;</p> <p>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</p> <p>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (m³);</p> <p>d. Pelarasan kadar tarif dilaksanakan setiap 3 tahun; dan</p> <p>e. *Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan surcaj pelepasan kos tidak seimbang [<i>Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)</i>] yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</p>									
Hasil	Kemudahan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna									

Bil.	Soalan	Jawapan																								
		*Pelepasan ICPT turut terpakai kepada tarif perkhidmatan pembedungan bersambung																								
2.	Apakah struktur tarif di bawah TSM?	<p>Struktur tarif di bawah TSM terbahagi kepada 2 kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta 3 kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal) dan Perkapalan. Setiap kategori mempunyai jalur dan komponen kos yang ditampung di bawah setiap jalur masing-masing seperti dalam jadual di bawah:</p> <p style="text-align: center;">Penyeragaman Komponen Kos Tarif</p> <table border="1" data-bbox="491 734 1390 1615"> <thead> <tr> <th data-bbox="491 734 876 781">Jalur (m³)</th> <th data-bbox="876 734 1390 781">Komponen Kos Tarif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2" data-bbox="491 781 1390 819">Kategori Domestik (Meter Individu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 819 876 866">0 – 20 m³</td> <td data-bbox="876 819 1390 866">OPEX + *Caj Elektrik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 866 876 913">>20 – 35 m³</td> <td data-bbox="876 866 1390 913">OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 913 876 1032">>35 m³</td> <td data-bbox="876 913 1390 1032">OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="491 1032 1390 1070">Kategori Bukan Domestik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1070 876 1162">0 – 35 m³</td> <td data-bbox="876 1070 1390 1162">OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1162 876 1281">>35 m³</td> <td data-bbox="876 1162 1390 1281">OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="491 1281 1390 1319">Kategori Khas</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1319 876 1411">Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan</td> <td data-bbox="876 1319 1390 1411">OPEX + *Caj Elektrik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1411 876 1491">Domestik (Meter Pukal)</td> <td data-bbox="876 1411 1390 1491">OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1491 876 1615">Perkapalan</td> <td data-bbox="876 1491 1390 1615">OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td> </tr> </tbody> </table> <p>OPEX: Perbelanjaan operasi</p> <p>CAPEX: Perbelanjaan modal</p> <p>* Caj elektrik merupakan kos yang dilepaskan kepada pengguna bagi membolehkan operator untuk mengatasi perubahan kos tenaga elektrik</p>	Jalur (m ³)	Komponen Kos Tarif	Kategori Domestik (Meter Individu)		0 – 20 m ³	OPEX + *Caj Elektrik	>20 – 35 m ³	OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik	>35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar	Kategori Bukan Domestik		0 – 35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik	>35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar	Kategori Khas		Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan	OPEX + *Caj Elektrik	Domestik (Meter Pukal)	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik	Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar
Jalur (m ³)	Komponen Kos Tarif																									
Kategori Domestik (Meter Individu)																										
0 – 20 m ³	OPEX + *Caj Elektrik																									
>20 – 35 m ³	OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik																									
>35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																									
Kategori Bukan Domestik																										
0 – 35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik																									
>35 m ³	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																									
Kategori Khas																										
Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan	OPEX + *Caj Elektrik																									
Domestik (Meter Pukal)	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik																									
Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																									

Bil.	Soalan	Jawapan
		# Kos Alam Sekitar merupakan kos pemuliharaan kawasan tadahan air. Kos ini belum diambil kira dalam pengiraan tarif di bawah TSM memandangkan mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi
3.	Kenapa tarif air perlu disemak?	<p>Tarif perlu disemak dengan tujuan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan air berdasarkan faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos pembekalan air terawat iaitu OPEX harian serta CAPEX bagi tujuan pembangunan infrastruktur semakin meningkat; • Pembangunan infrastruktur bekalan air sebagaimana yang dirancang dapat dilaksanakan supaya isu-isu/aduan bekalan air dapat diatasi dan diselesaikan; • Pendapatan yang mencukupi untuk menampung OPEX dan CAPEX adalah penting untuk kelangsungan perkhidmatan bekalan air kepada rakyat; dan • Kedudukan kewangan defisit boleh menjejaskan operasi harian operator dan perancangan pembangunan infrastruktur tidak dapat diteruskan dan mengakibatkan penurunan kualiti dan tahap perkhidmatan kepada pengguna.
4.	Kenapa caj elektrik perlu dikenakan?	<ul style="list-style-type: none"> • Penetapan caj elektrik adalah berdasarkan surcaj ICPT yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator. Surcaj ini adalah tidak tetap dan berubah mengikut kadar yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan setiap 6 bulan bergantung kepada kos bahan api seperti arang batu dan kos penjanaan tenaga elektrik. • Bagi membolehkan operator untuk mengatasi perubahan kos elektrik yang merupakan antara komponen kos operasi dalam membekalkan air, caj elektrik diperkenalkan mulai 1 Februari 2024 bagi membenarkan operator untuk melepaskan perubahan kos ini kepada pengguna di negeri masing-masing secara tahunan. • Caj elektrik dimasukkan bersekali dengan kadar tarif yang berkuat kuasa dalam bil air yang diterima daripada operator sebagai sebahagian daripada kadar perkhidmatan bekalan air. • Kadar tarif akan disemak setiap tahun untuk mengambil kira caj elektrik dan ia akan dikenakan kepada semua kategori pengguna.
5.	Bagaimanakah pelarasan tarif	<ul style="list-style-type: none"> • Secara amnya, pelarasan tarif membolehkan operator untuk memperoleh pendapatan yang diperlukan untuk

Bil.	Soalan	Jawapan
	dapat memanfaatkan rakyat?	<p>menampung OPEX dan CAPEX. Melalui pembangunan infrastruktur sistem bekalan air, pengguna akan dapat menikmati tahap dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Sebagai contoh, kualiti air terawat yang lebih memuaskan serta penurunan dalam insiden gangguan bekalan air.</p> <ul style="list-style-type: none"> Namun, pengguna juga harus faham bahawa bukan semua penambahbaikan dapat dirasai dalam jangka masa pendek dengan mengambil kira <i>lead time</i> yang diperlukan. Sebagai contoh, susulan daripada kesediaan sumber pembiayaan, operator air dapat menjalankan projek membaik pulih sistem perpaipan dan agihan. Namun, projek ini mengambil masa 1 tahun di mana impaknya mungkin hanya dapat dirasai oleh pengguna secara beransur-ansur selepas tempoh berkenaan.
6.	Siapakah yang akan membuat keputusan muktamad untuk kenaikan kadar tarif bagi sesebuah negeri?	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kepada seksyen 84 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedung. Menteri yang dirujuk di sini adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas segala perihal berhubung air iaitu Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam. Namun begitu, sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan, operator air perlu mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kenaikan kadar tarif pada masa kelak. Semakan tarif yang melibatkan sesebuah negeri adalah suatu keputusan penting yang akan juga dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (Kabinet) untuk kelulusan memandangkan ia melibatkan peningkatan kos sara hidup. Bagi pelarasan tarif air mulai 1 Februari 2024, ianya telah dipersetujui bersama oleh semua YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam Mesyuarat Majlis Air Negara Ke-5 pada 31 Oktober 2023. Selanjutnya, ianya telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 untuk pelaksanaan.
7.	Adakah tarif air sama di setiap negeri?	<ul style="list-style-type: none"> Tidak. Kadar tarif air tidak boleh diseragamkan untuk setiap negeri disebabkan kos untuk operator air menawarkan perkhidmatannya serta keperluan pembangunan

Bil.	Soalan	Jawapan															
		<p>infrastruktur di negeri masing-masing adalah berbeza-beza.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di samping itu, hutang dan liabiliti terdahulu yang perlu ditanggung oleh operator masing-masing adalah juga berbeza-beza. 															
8.	<p>Berapakah purata kos bagi perkhidmatan oleh operator serta purata tarif yang dikutip daripada pengguna?</p>	<p>Purata kos di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • purata OPEX adalah sebanyak RM1.16/m³; dan • purata kos keseluruhan (OPEX dan CAPEX) adalah RM1.75/m³. <p>Manakala purata tarif yang dikutip daripada pengguna jauh lebih rendah iaitu RM1.43/m³.</p> <p>Kesan ke atas operator yang purata tarifnya lebih rendah daripada purata kos keseluruhan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat menampung segala kos dalam penawaran perkhidmatan sama ada dari segi operasi harian atau pun pembangunan infrasktruktur seperti penggantian paip yang uzur, pembinaan loji rawatan air baru atau penaiktarafan; dan • Kualiti dan tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh operator akan terjejas. 															
9.	<p>Apakah perbezaan sebelum dan selepas pelaksanaan TSM?</p>	<p>Perbezaan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="491 1352 1390 1935"> <thead> <tr> <th data-bbox="491 1352 756 1397"></th> <th data-bbox="756 1352 1070 1397">Sebelum TSM</th> <th data-bbox="1070 1352 1390 1397">Selepas TSM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="491 1397 756 1480">Kaedah Semakan Tarif</td> <td data-bbox="756 1397 1070 1480">Sukar difahami dan tidak telus</td> <td data-bbox="1070 1397 1390 1480">Seragam, sistematik dan telus</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1480 756 1520">Struktur Tarif</td> <td data-bbox="756 1480 1070 1520">Tidak Seragam</td> <td data-bbox="1070 1480 1390 1520">Seragam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1520 756 1610">Kekerapan Semakan</td> <td data-bbox="756 1520 1070 1610">Berbeza-beza</td> <td data-bbox="1070 1520 1390 1610">Diselaraskan setiap 3 tahun</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 1610 756 1935">Impak kepada Kedudukan Kewangan</td> <td data-bbox="756 1610 1070 1935">Terdapatnya operator yang tidak dapat menampung segala kos dan keperluannya yang makin meningkat dari semasa ke semasa</td> <td data-bbox="1070 1610 1390 1935">Dijangka akan dapat memperbaiki kedudukan kewangannya dan pada masa yang sama memperbaiki kecekapan operasinya</td> </tr> </tbody> </table>		Sebelum TSM	Selepas TSM	Kaedah Semakan Tarif	Sukar difahami dan tidak telus	Seragam, sistematik dan telus	Struktur Tarif	Tidak Seragam	Seragam	Kekerapan Semakan	Berbeza-beza	Diselaraskan setiap 3 tahun	Impak kepada Kedudukan Kewangan	Terdapatnya operator yang tidak dapat menampung segala kos dan keperluannya yang makin meningkat dari semasa ke semasa	Dijangka akan dapat memperbaiki kedudukan kewangannya dan pada masa yang sama memperbaiki kecekapan operasinya
	Sebelum TSM	Selepas TSM															
Kaedah Semakan Tarif	Sukar difahami dan tidak telus	Seragam, sistematik dan telus															
Struktur Tarif	Tidak Seragam	Seragam															
Kekerapan Semakan	Berbeza-beza	Diselaraskan setiap 3 tahun															
Impak kepada Kedudukan Kewangan	Terdapatnya operator yang tidak dapat menampung segala kos dan keperluannya yang makin meningkat dari semasa ke semasa	Dijangka akan dapat memperbaiki kedudukan kewangannya dan pada masa yang sama memperbaiki kecekapan operasinya															

Bil.	Soalan	Jawapan		
		Kawal Selia oleh SPAN	Pemantauan tidak sistematik	Pemantauan prestasi kos dan operasi operator pada masa akan datang lebih teratur
10.	Adakah kadar kenaikan tarif air sama untuk setiap kategori?	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar kenaikan untuk setiap kategori atau pun jalur adalah berbeza-beza bergantung pada keperluan dan situasi di negeri masing-masing. • Ia juga bergantung pada jurang perbezaan antara kadar sedia ada dengan kadar TSM serta berapa lama tarif untuk kategori atau jalur berkenaan tidak disemak. • Bagi kadar sedia ada yang jauh di bawah kadar TSM, kadar kenaikannya akan lebih tinggi berbanding dengan yang lain, dan sebaliknya. 		
11.	Berapakah kadar kenaikan tarif air bagi setiap negeri?	<ul style="list-style-type: none"> • Secara amnya, kenaikan keseluruhan adalah dikawal pada kadar tidak melebihi 30% agar tidak membebankan pengguna. • Namun demikian, bagi segelintir negeri yang tidak menyemak tarif melebihi 20 atau 30 tahun, kenaikan dibenarkan melebihi 30%. • Namun begitu, impak kepada bil air pengguna adalah tidak membebankan disebabkan kadar tarif sedia ada yang agak rendah. • Berkuat kuasa mulai 1 Februari 2024, pengguna kategori Domestik akan mengalami kenaikan bil dalam julat RM1.60 hingga RM8.00 sebulan atau 5 sen hingga 27 sen sehari bagi penggunaan isi rumah sebanyak 20m³ sebulan hasil daripada pelarasan kadar tarif air dan pengenaan caj elektrik. • Pada masa yang sama, pengguna kategori Bukan Domestik akan mengalami kenaikan bil dalam julat RM0.40 hingga RM2.00 sebulan atau 1 sen hingga 7 sen sehari bagi penggunaan bulanan sebanyak 20m³ hasil daripada pengenaan caj elektrik. Caj elektrik yang dikenakan adalah pada kadar yang sama untuk semua kategori pengguna di mana kadar tersebut adalah berbeza-beza mengikut negeri iaitu dalam julat 2 sen hingga 10 sen bagi setiap meter padu. 		
12.	Apakah kadar tarif bekalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna boleh mendapatkan maklumat berkaitan kadar tarif bekalan air bagi setiap negeri dengan merujuk kepada 		

Bil.	Soalan	Jawapan																					
	air bagi setiap negeri?	Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Pindaan) 2024 negeri masing-masing yang boleh dicapai di laman sesawang SPAN iaitu https://www.span.gov.my/article/view/peraturan .																					
13.	Berapakah kekerapan semakan kadar tarif air?	<ul style="list-style-type: none"> • Pada masa ini, kekerapan semakan tarif adalah berbeza-beza antara semua negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. • Sebagai contoh, semakan terakhir bagi negeri Melaka adalah pada tahun 2016 berbanding dengan semakan terakhir bagi negeri Pahang dan Perlis masing-masing pada tahun 1983 dan 1996. • Atas usaha SPAN bagi mengimbangi tekanan peningkatan kos perkhidmatan kepada operator, pelarasan tarif air yang melibatkan kategori Bukan Domestik telah dilaksanakan mulai 1 Ogos 2022 sehingga 1 Januari 2023 secara berperingkat di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. • Susulan daripada pelarasan tarif air yang melibatkan kategori Domestik mulai 1 Februari 2024, semakan tarif yang selanjutnya akan dilaksanakan secara komprehensif dan berkala melalui TSM iaitu setiap 3 tahun. Pelarasan tarif yang seterusnya dijangka pada 1 Januari 2026 iaitu 3 tahun daripada 1 Januari 2023 di mana pelarasan tarif air bagi kategori Bukan Domestik telah dilaksanakan. • Manakala caj elektrik akan disemak setiap tahun berdasarkan surcaj ICPT yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik bagi satu tahun sebelumnya. 																					
14.	Apakah kesan semakan kadar tarif air ke atas golongan B40?	<ul style="list-style-type: none"> • Dengan semakan kadar tarif air yang dilaksanakan mulai 1 Februari 2024, impak kepada pengguna domestik secara amnya adalah tidak membebankan dan ini adalah termasuk golongan B40. • Majoriti pengguna domestik yang menggunakan air sebanyak 20m³ adalah 47.8% seperti berikut: <table border="1" data-bbox="539 1720 1177 2018"> <thead> <tr> <th data-bbox="539 1720 746 1765">Negeri</th> <th data-bbox="746 1720 938 1765">Operator</th> <th data-bbox="938 1720 1177 1765">% Pengguna</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="539 1765 746 1809">Pahang</td> <td data-bbox="746 1765 938 1809">PAIP</td> <td data-bbox="938 1765 1177 1809">42.4%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="539 1809 746 1854">Terengganu</td> <td data-bbox="746 1809 938 1854">SATU</td> <td data-bbox="938 1809 1177 1854">39.9%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="539 1854 746 1899">Perlis</td> <td data-bbox="746 1854 938 1899">SAP</td> <td data-bbox="938 1854 1177 1899">48.6%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="539 1899 746 1944">P. Pinang</td> <td data-bbox="746 1899 938 1944">PBAPP</td> <td data-bbox="938 1899 1177 1944">48.2%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="539 1944 746 1989">Perak</td> <td data-bbox="746 1944 938 1989">LAP</td> <td data-bbox="938 1944 1177 1989">49.9%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="539 1989 746 2018">Kedah</td> <td data-bbox="746 1989 938 2018">SADA</td> <td data-bbox="938 1989 1177 2018">43.6%</td> </tr> </tbody> </table> 	Negeri	Operator	% Pengguna	Pahang	PAIP	42.4%	Terengganu	SATU	39.9%	Perlis	SAP	48.6%	P. Pinang	PBAPP	48.2%	Perak	LAP	49.9%	Kedah	SADA	43.6%
Negeri	Operator	% Pengguna																					
Pahang	PAIP	42.4%																					
Terengganu	SATU	39.9%																					
Perlis	SAP	48.6%																					
P. Pinang	PBAPP	48.2%																					
Perak	LAP	49.9%																					
Kedah	SADA	43.6%																					

Bil.	Soalan	Jawapan		
		Kelantan	AKSB	54.1%
		N. Sembilan	SAINS	51.9%
		Melaka	SAMB	50.5%
		Selangor	Air Selangor	50.6%
		WP Labuan	BBAL	42.9%
		Johor	RSAJ	50.5%
		Purata		47.8%
		<ul style="list-style-type: none"> • Implikasi kenaikan bil adalah kecil dan tidak membebankan pengguna. Di samping itu, pemberian rebat boleh dipertimbangkan oleh negeri dan operator bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan (berdaftar dengan e-Kasih) di negeri masing-masing. • Berdasarkan struktur tarif pada masa ini, makin tinggi air yang digunakan oleh pengguna, kadar tarif air yang dikenakan adalah juga makin meningkat. Oleh yang demikian, semua pengguna bukan sahaja disarankan untuk memulihara air daripada pencemaran serta perubahan cuaca yang tidak menentu malah turut dinasihatkan supaya menggunakan air secara berhemah bagi mengurangkan kesan ke atas bil air. • TSM separa dilaksanakan supaya tarif tidak naik mendadak dan tidak membebankan pengguna. Contohnya oleh kerana TSM separa dilaksanakan, purata tarif bagi kategori Domestik adalah RM1.14/m³ berbanding purata TSM penuh iaitu RM1.62/m³. 		
15.	Adakah terdapat cadangan untuk memberi air percuma kepada rakyat miskin/miskin tegar?	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar tarif diselaraskan di bawah TSM yang mana kadar yang lebih rendah dikenakan untuk penggunaan air kurang 20m³ dan kadar punitif untuk penggunaan air berlebihan yang mana penggunaan air melebihi 35m³ dikenakan kadar yang lebih tinggi. • Untuk pemberian air percuma, Kementerian menyerahkan perkara ini kepada budi bicara Kerajaan Negeri dan juga operator air. Kementerian dan SPAN tiada halangan jika sekiranya diputuskan untuk memberi bekalan air percuma atau rebat kepada penduduk yang benar-benar memerlukan. 		

Bil.	Soalan	Jawapan																																
16.	Berapakah purata perbelanjaan isi rumah sebulan bagi bil utiliti utama?	<p>Purata perbelanjaan isi rumah sebulan ke atas bil air adalah 5%, kedua terendah selepas bil pembedungan iaitu 4% jika dibandingkan dengan utiliti utama lain sebagaimana di jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Utiliti</th> <th>Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)</th> <th>Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Air</td> <td> <p>15.10 [20m³ pada kadar tarif domestik 0.76/m³] *kenaikan antara RM0.08/m³ – RM0.40/m³ (RM1.60 – RM8.00 sebulan) @ RM0.05 – RM0.27 sehari)</p> </td> <td>5%</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pembedungan</td> <td>12</td> <td>4%</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Elektrik</td> <td>100</td> <td>34%</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Komunikasi</td> <td>50</td> <td>17%</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Saluran TV Berbayar</td> <td>40</td> <td>13%</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Internet</td> <td>79</td> <td>27%</td> </tr> <tr> <td></td> <td>JUMLAH</td> <td>296.10</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Utiliti	Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)	Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan	1.	Air	<p>15.10 [20m³ pada kadar tarif domestik 0.76/m³] *kenaikan antara RM0.08/m³ – RM0.40/m³ (RM1.60 – RM8.00 sebulan) @ RM0.05 – RM0.27 sehari)</p>	5%	2.	Pembedungan	12	4%	3.	Elektrik	100	34%	4.	Komunikasi	50	17%	5.	Saluran TV Berbayar	40	13%	6.	Internet	79	27%		JUMLAH	296.10	100%
Bil.	Utiliti	Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)	Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan																															
1.	Air	<p>15.10 [20m³ pada kadar tarif domestik 0.76/m³] *kenaikan antara RM0.08/m³ – RM0.40/m³ (RM1.60 – RM8.00 sebulan) @ RM0.05 – RM0.27 sehari)</p>	5%																															
2.	Pembedungan	12	4%																															
3.	Elektrik	100	34%																															
4.	Komunikasi	50	17%																															
5.	Saluran TV Berbayar	40	13%																															
6.	Internet	79	27%																															
	JUMLAH	296.10	100%																															
17.	Adakah kadar tarif air di Malaysia tinggi berbanding dengan negara-negara lain?	<p>Caj tarif bagi setiap meter padu di Malaysia adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia seperti di jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Negara</th> <th>Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m³)</th> <th>Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m³)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Myanmar</td> <td>0.03</td> <td>0.14</td> </tr> <tr> <td>Brunei</td> <td>0.08</td> <td>0.37</td> </tr> <tr> <td>Indonesia</td> <td>0.24</td> <td>1.12</td> </tr> <tr> <td>Malaysia</td> <td>0.29</td> <td>1.37</td> </tr> <tr> <td>Vietnam</td> <td>0.32</td> <td>1.49</td> </tr> <tr> <td>Thailand</td> <td>0.42</td> <td>1.95</td> </tr> <tr> <td>Philippines</td> <td>0.59</td> <td>2.74</td> </tr> <tr> <td>South Korea</td> <td>0.72</td> <td>3.35</td> </tr> <tr> <td>Singapore</td> <td>1.37</td> <td>6.37</td> </tr> </tbody> </table>	Negara	Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m ³)	Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m ³)	Myanmar	0.03	0.14	Brunei	0.08	0.37	Indonesia	0.24	1.12	Malaysia	0.29	1.37	Vietnam	0.32	1.49	Thailand	0.42	1.95	Philippines	0.59	2.74	South Korea	0.72	3.35	Singapore	1.37	6.37		
Negara	Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m ³)	Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m ³)																																
Myanmar	0.03	0.14																																
Brunei	0.08	0.37																																
Indonesia	0.24	1.12																																
Malaysia	0.29	1.37																																
Vietnam	0.32	1.49																																
Thailand	0.42	1.95																																
Philippines	0.59	2.74																																
South Korea	0.72	3.35																																
Singapore	1.37	6.37																																

Bil.	Soalan	Jawapan		
		Japan	1.38	6.42
		New Zealand	2.00	9.30
		Australia	3.08	14.33
		<p><i>Nota:</i></p> <p>i. <i>Caj bagi Malaysia merujuk kepada purata tarif keseluruhan (selepas pelarasan tarif yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2024) bagi penggunaan 20m³ pertama di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan</i></p> <p>ii. <i>Caj bagi negara-negara lain merujuk kepada The International Benchmarking Network for Water and Sanitation Utilities (IBNET) (https://tariffs.ib-net.org/sites) yang diakses pada 19 Julai 2023 (merujuk kepada penggunaan 15m³ pertama)</i></p>		
18.	Apakah mekanisme pengawalseliaan yang dilaksanakan ke atas operator air?	<ul style="list-style-type: none"> • Mekanisme pengawalseliaan adalah selaras dengan peruntukan dalam Akta 655 dan perundangan subsidiarinya. Pengawalseliaan pemilik aset sistem bekalan air awam dan pengendali sistem bekalan air awam dilaksanakan menerusi lesen individu yang dikeluarkan. Pemegang lesen individu dikehendaki untuk mematuhi syarat lesen yang ditetapkan termasuk petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan Menteri. • Pemantauan akan dibuat oleh SPAN dari semasa ke semasa dalam memastikan pemegang lesen dapat mencapai KPI yang ditetapkan. Antara parameter KPI yang dipantau oleh SPAN termasuk kualiti air, kadar air tidak terhasil (<i>non-revenue water</i> [NRW]), liputan bekalan air, tekanan air, kecekapan kutipan dan perkhidmatan pelanggan. SPAN juga akan menilai dan meluluskan rancangan perniagaan (BP) pemegang lesen dan pemantauan yang dibuat mencakupi aspek kewangan dan teknikal pemegang lesen. 		